

# TAHAP KESEDARAN BELIA MUSLIM PERMATANG PAUH PULAU PINANG TERHADAP STATUS HALAL BAHAN MENTAH DALAM PENYEDIAAN MAKANAN

## *AWARENESS OF MUSLIM YOUTH IN PERMATANG PAUH, PENANG TOWARDS THE HALAL STATUS OF RAW MATERIALS IN FOOD PREPARATION*

Emie Sylviana Binti Mohd Zahid<sup>1\*</sup>  
Nurfahiratul Azlina Binti Ahmad<sup>2</sup>  
Shahirah Binti Said<sup>3</sup>  
Habibah Binti Ayob<sup>4</sup>  
Mastura Binti Razali<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia (emies692@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia (fahiratul@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia (shahirah4572@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang, Malaysia (habibah69@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia (mastura458@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: emies692@uitm.edu.my

### Article history

Received date : 9-8-2025  
Revised date : 10-8-2025  
Accepted date : 3-9-2025  
Published date : 15-10-2025

### To cite this document:

Zahid, E. S. B. M., Ahmad, N. A. B., Said, S., Ayob, H., & Razali, M. (2025). Tahap kesedaran belia Muslim Permatang Pauh Pulau Pinang terhadap status halal bahan mentah dalam penyediaan makanan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 1108 -1118.

**Abstrak:** *Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesedaran belia Muslim terhadap kepentingan status halal bahan mentah dalam penyediaan makanan, meneliti kefahaman mereka terhadap tanggungjawab pengusaha makanan dalam menjamin kehalalan bahan mentah, serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh belia dalam mendapatkan maklumat sahih berkaitan status halal bahan mentah. Kajian ini dijalankan di Permatang Pauh, Pulau Pinang dengan melibatkan seramai 200 orang responden yang terdiri daripada belia Muslim tempatan menggunakan kaedah tinjauan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran terhadap kepentingan status halal adalah tinggi, namun masih terdapat kekangan dari segi kefahaman mendalam, kekeliruan terhadap logo halal, serta keterbatasan akses kepada platform digital yang sahih. Kajian ini mencadangkan pembangunan aplikasi mudah alih semakan halal, pendidikan halal di institusi pengajian tinggi, serta pengukuhan audit bahan mentah sebagai langkah strategik. Kajian ini penting dalam memperkukuh literasi halal dalam kalangan belia, sekaligus menyokong inisiatif kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai hab halal global.*

**Kata Kunci:** *Kesedaran Halal, Belia Muslim, Pensijilan Halal, Permatang Pauh, Bahan Mentah*

**Abstract:** *This study aims to assess the awareness of Muslim youth regarding the importance of halal status of raw materials in food preparation, examine their understanding of the responsibility of food operators in ensuring halal compliance, and identify the challenges faced in obtaining reliable halal information. The research was conducted in Permatang Pauh, Penang, involving 200 respondents through a structured survey. The findings indicate that while the awareness of halal status is relatively high, gaps remain in deeper understanding, confusion regarding halal logos, and limited access to trustworthy digital platforms. The study highlights the need for the development of mobile halal verification applications, the strengthening of halal literacy education in higher learning institutions, and the enforcement of transparent monitoring of raw materials. The outcomes are significant in enhancing halal literacy among Muslim youth and in supporting Malaysia's ambition of becoming a global halal hub.*

**Keywords:** *Halal Awareness, Muslim Youth, Halal Certification, Raw Materials, Permatang Pauh*

---

## Pengenalan

Konsep halal dalam Islam bukan sekadar merujuk kepada aspek hukum makanan yang dibenarkan atau dilarang, tetapi turut mencakupi elemen kebersihan, keselamatan dan etika penghasilan makanan. Dalam konteks Malaysia, konsep halalan toyyiban yang digariskan dalam Surah al-Baqarah ayat 172 menuntut umat Islam untuk mengambil makanan yang bukan sahaja halal dari segi hukum, tetapi juga baik dari aspek kesihatan dan kebersihan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui standard MS1500:2019 telah memperkenalkan garis panduan yang lebih komprehensif dalam menentukan pensijilan halal makanan yang merangkumi keseluruhan rantaian bekalan bahan mentah sehingga ke penyediaan makanan (JAKIM, 2024).

Walau bagaimanapun, isu berkenaan kehalalan bahan mentah dalam penyediaan makanan masih menimbulkan persoalan dalam kalangan pengguna Muslim, khususnya belia. Di sebalik kemudahan memperoleh makanan di luar rumah, pengguna sering kali tidak menyedari sama ada bahan mentah yang digunakan di premis makanan memenuhi piawaian halal atau sebaliknya. Kajian Musa, Noor & Halim (2023) menunjukkan bahawa sebahagian besar pengguna muda di Malaysia hanya melihat aspek logo halal, namun tidak memahami keperluan keseluruhan proses penghasilan makanan yang patuh syariah. Hal ini menimbulkan kebimbangan terutama apabila bahan mentah diperoleh daripada pembekal yang tidak sah atau tidak dipraktikkan.

Tambahan pula, perkembangan pesat industri makanan dan pelbagai inovasi masakan global yang menembusi pasaran Malaysia mewujudkan cabaran terhadap pemantauan status halal bahan mentah. Penggunaan bahan-bahan asing, bahan pengganti, serta pengaruh resipi antarabangsa memerlukan pengguna lebih berwaspada. Kajian oleh Md Moid, Rahman & Ismail (2024) mendapati bahawa pengguna Muslim generasi muda masih kurang terdedah kepada selok-belok pensijilan halal bahan mentah, justeru menyebabkan mereka berisiko membuat pilihan makanan secara tidak berhati-hati.

Statistik terkini menunjukkan bahawa industri halal terus berkembang pesat di Malaysia dan peringkat global. Menurut laporan SEASIA (2025), nilai eksport halal Malaysia dijangka mencapai RM65 bilion pada tahun 2025, meningkat daripada RM61.8 bilion pada 2024, dengan lebih 9,520 premis dan produk telah memperoleh pensijilan halal. Pelan Induk Industri Halal Malaysia (HIMP) turut menasaskan RM70 bilion eksport halal menjelang 2030, yang berpotensi menyumbang hampir 11% kepada KDNK negara serta mewujudkan lebih 700,000 pekerjaan. Tambahan pula, JAKIM telah memperkenalkan sistem digital MYeHALAL pada Mei 2025 yang berjaya mempercepatkan proses pensijilan daripada 51 hari kepada hanya 30 hari, sekali gus meningkatkan kecekapan pengesahan halal (Halal Times, 2025a).

Dari perspektif global, pasaran makanan halal dianggarkan bernilai USD2.99 trilion pada 2025, dengan unjuran pertumbuhan mencapai USD6.49 trilion menjelang 2034 pada kadar pertumbuhan tahunan kira-kira 9% (GlobeNewswire, 2025). Sumber lain pula menganggarkan nilai pasaran halal sekitar USD2.6 trilion pada tahun 2025 dengan kadar pertumbuhan tahunan melebihi 6% (Halal Times, 2025b). Data ini menunjukkan bahawa isu halal, khususnya status bahan mentah dalam makanan, bukan sekadar relevan dalam konteks Malaysia bahkan penting dalam pasaran halal global yang kian berkembang.

Dalam konteks tempatan, kawasan Permatang Pauh, Pulau Pinang merupakan sebuah kawasan yang pesat membangun dan dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar institusi pengajian tinggi, pekerja industri, dan penduduk tempatan. Kehadiran pelbagai jenis premis makanan di kawasan ini turut menimbulkan keperluan untuk mengkaji tahap kesedaran pengguna Muslim terhadap status halal makanan yang mereka ambil setiap hari. Belia khususnya merupakan golongan yang paling aktif berbelanja dan menjamu selera di luar, menjadikan mereka kumpulan signifikan dalam kajian pematuhan halal di peringkat akar umbi (Zahari & Azmi, 2023).

Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada dasar pensijilan halal dan pematuhan dalam kalangan pengusaha industri makanan (Md Moid, Rahman & Ismail, 2024; Zulkifli & Zainal, 2021). Namun, masih terdapat kekurangan kajian berskala mikro yang meneliti tahap kesedaran halal dalam kalangan belia di kawasan tertentu. Kajian yang sedia ada banyak membincangkan dapatan umum di peringkat nasional atau bandar besar, sedangkan konteks setempat seperti Permatang Pauh dengan kepelbagaian komuniti belia pelajar, pekerja industri dan usahawan kecil masih kurang mendapat perhatian. Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan memberi fokus khusus kepada belia Muslim di kawasan Permatang Pauh bagi menilai kesedaran dan kefahaman mereka terhadap status halal bahan mentah.

Menurut laporan JAKIM (2024), jumlah syarikat yang memperoleh pensijilan halal Malaysia meningkat kepada 8,836 premis makanan dan 7,114 produk makanan diproses berbanding tahun 2022. Walau bagaimanapun, masih terdapat lebih 60% pengusaha mikro dan SME makanan yang belum memiliki pensijilan rasmi. Selain itu, tinjauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM, 2023) mendapati isu keraguan status halal masih antara lima aduan tertinggi pengguna makanan di Malaysia. Data ini menguatkan lagi keperluan kajian mikro di kawasan setempat untuk memahami tahap kesedaran pengguna Muslim, khususnya dalam kalangan belia.

Berdasarkan latar belakang dan isu-isu yang dibangkitkan, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kesedaran belia Muslim di Permatang Pauh terhadap status halal bahan mentah yang digunakan dalam penyediaan makanan. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti bagaimana

mereka memahami tanggungjawab pengusaha makanan serta persepsi mereka terhadap cabaran yang dihadapi oleh pihak pengusaha dalam mendapatkan bahan mentah halal yang sah.

Sehubungan itu, kajian ini mengemukakan tiga objektif utama iaitu: (i) mengukur tahap kesedaran belia Muslim terhadap kepentingan status halal bahan mentah dalam makanan; (ii) mengenal pasti kefahaman mereka terhadap peranan pengusaha dalam menjamin status halal; dan (iii) menganalisis pandangan mereka terhadap cabaran utama dalam pematuhan halal.

Selaras dengan objektif tersebut, persoalan kajian yang digariskan ialah: (i) sejauh manakah belia Muslim memahami keperluan status halal bahan mentah dalam makanan harian mereka? (ii) apakah tanggapan mereka terhadap usaha pengusaha dalam menjamin halal? dan (iii) apakah cabaran yang difahami mereka dalam pelaksanaan pensijilan halal bahan mentah oleh pengusaha makanan?

Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan gambaran awal terhadap tahap literasi halal dalam kalangan belia serta membantu pihak berkuasa dan industri makanan merangka pendekatan komunikasi dan pendidikan yang lebih berkesan. Kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada agenda pematapan industri halal Malaysia khususnya dari segi kesedaran komuniti pengguna muda terhadap isu halal yang menyentuh aspek pematuhan syariah dan kesejahteraan umat.

## Kajian Literatur

### Halal dalam Perspektif Syariah dan Kehidupan Moden

Konsep halal dalam Islam berpaksikan kepada tuntutan syarak yang bukan sahaja melarang makanan yang haram, malah menyeru umat Islam untuk mengambil makanan yang *thoyyib*, iaitu bersih, berkualiti dan baik untuk kesihatan. Hal ini dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 172 yang menyeru: “*Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah daripada rezeki yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu...*” (al-Quran, 2:172).

Perkataan *halal* berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud "dibolehkan" atau "diizinkan". Dari sudut syarak, halal bukan sekadar merujuk kepada makanan yang tidak mengandungi bahan haram seperti khinzir dan alkohol, tetapi turut mencakupi aspek pemprosesan, penyimpanan dan pengendalian (Wizarah al-Awqaf, 1990). Menurut Hamka (2007), konsep halal tidak dapat dipisahkan daripada prinsip kesihatan dan akhlak Islamiah kerana makanan yang haram akan memberi kesan terhadap jiwa dan jasmani manusia. Bagi al-Qaradawi (2021), halal bermaksud sesuatu yang dibenarkan tanpa sebarang larangan, dan pengguna Muslim wajib memastikan makanan yang diambil tidak bercampur dengan unsur haram atau syubhah. Penting untuk difahami bahawa konsep halal bukan hanya ditentukan oleh bahan akhir sesuatu produk, tetapi juga keseluruhan rangkaian proses penyediaannya. Hal ini termasuk pemilihan bahan mentah, kebersihan peralatan, lokasi penyimpanan, dan pengendalian oleh individu yang memahami prinsip halal. Oleh itu, pematuhan kepada standard halal melibatkan keseluruhan ekosistem pengeluaran makanan.

Dalam perbincangan kontemporari, konsep halal semakin luas dan merangkumi nilai-nilai seperti kualiti, keselamatan, dan kebolehesanan (traceability). Ini menjadikan halal bukan sekadar kewajipan agama, tetapi juga jaminan keselamatan makanan sejagat. Halal menjadi satu penanda aras yang diguna pakai di peringkat global oleh pengguna Muslim dan bukan Muslim (Halim & Mahmud, 2023a).

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum, pensijilan halal memainkan peranan penting dalam menjamin integriti produk makanan. Piawaian halal negara diselaraskan oleh JAKIM melalui Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan piawaian MS1500:2019, yang meliputi keseluruhan aspek bermula dari pemilihan bahan mentah, proses penyediaan hingga ke penyajian makanan (JAKIM, 2024) serta pengurusan kilang dari sudut syarak dan teknikal (Halal Development Corporation, 2022). Pensijilan ini bukan sahaja memberi keyakinan kepada pengguna Muslim, malah telah menjadi rujukan di peringkat antarabangsa (Zaini & Rahman, 2020). Oleh itu, kefahaman terhadap konsep halal secara menyeluruh perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat, khususnya belia Muslim. Ini bukan sahaja untuk memelihara kepatuhan agama, malah memastikan hak pengguna dihormati dan industri makanan berkembang secara lestari.

### **Peranan Bahan Mentah dalam Status Halal**

Bahan mentah memainkan peranan utama dalam penentuan status halal makanan. Sekiranya sumber bahan mentah tidak sah dari sudut syariah atau tidak disahkan statusnya, maka makanan yang dihasilkan turut menjadi syubhah atau haram. Oleh itu, proses pemilihan bahan mentah yang halal dan bersih merupakan fasa kritikal dalam jaminan halal. Menurut Salleh, Rahman & Yunus (2024a), pengguna sering mengabaikan aspek asal-usul bahan mentah kerana terlalu fokus kepada label halal akhir sahaja. Dalam banyak kes, bahan mentah yang dibeli daripada pemborong atau pasar raya tidak mempunyai pengesahan halal, terutamanya bahan tambahan makanan, daging diproses, dan perasa tiruan. Ini menimbulkan risiko kepada pengguna yang bergantung sepenuhnya kepada pengusaha makanan.

Dari perspektif pengusaha makanan, pemilihan bahan mentah halal adalah tanggungjawab besar yang perlu ditunaikan dengan telus dan amanah. Namun, dalam situasi pasaran yang tidak terkawal, terdapat pengusaha yang mengambil jalan mudah dengan memilih bahan mentah yang lebih murah tanpa mengambil kira status halal. Sikap ini menimbulkan kebimbangan kepada pengguna Muslim yang prihatin terhadap aspek syariah. Selain itu, kelemahan dalam penguatkuasaan dan pemantauan oleh pihak berwajib turut menyumbang kepada kelewatan dalam menangani isu ini. Oleh itu, satu sistem pemantauan berasaskan teknologi seperti blockchain atau aplikasi pengesahan bahan mentah boleh menjadi penyelesaian jangka panjang untuk isu ini (Salleh et al., 2024a).

Kesimpulannya, bahan mentah merupakan asas utama kepada kehalalan makanan. Pengguna dan pengusaha makanan perlu dididik tentang pentingnya mengetahui sumber bahan mentah agar kepastian terhadap makanan yang disediakan benar-benar selamat dan mematuhi syariah. Md Moid et al. (2024) menegaskan bahawa bahan mentah yang tidak disahkan halal atau bersumber dari pembekal yang tidak berdaftar boleh menjejaskan status halal keseluruhan hidangan. Oleh itu, kejelasan terhadap status bahan mentah adalah elemen penting dalam penilaian halal yang menyeluruh.

### **Kesedaran Halal dalam Kalangan Belia Muslim**

Golongan belia merupakan kelompok pengguna yang signifikan dalam lanskap ekonomi Malaysia. Mereka mewakili generasi celik teknologi, berpengetahuan luas, serta peka terhadap isu semasa termasuk isu halal. Namun, tahap kesedaran mereka terhadap isu halal masih berbeza-beza mengikut latar belakang pendidikan, pendedahan agama dan pengaruh persekitaran (Ismail & Ahmad, 2021ab). Kajian oleh Yusoff dan Mohamed (2022) menunjukkan bahawa ramai belia Muslim memahami maksud halal secara umum, tetapi tidak mengetahui secara mendalam tentang prosedur pensijilan halal, peranan agensi halal, atau isu

kontemporari seperti alkohol tersembunyi dalam bahan tambahan. Ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan tahap literasi halal dalam kalangan belia. Kajian oleh Zahari & Azmi (2023) mendapati bahawa majoriti pelajar IPT hanya memahami konsep asas halal tetapi tidak mengetahui tentang prosedur pensijilan dan isu status bahan mentah. Belia juga cenderung membuat keputusan pembelian berasaskan kepercayaan dan jenama berbanding semakan terperinci terhadap sumber bahan. Tambahan pula, trend makanan segera, budaya jalanan, dan pengaruh media sosial menjadikan belia lebih terdedah kepada risiko makanan tidak halal. Kajian oleh Fathi dan Suhaimi (2022a) menunjukkan bahawa generasi muda yang belajar di bandar lebih cenderung mempunyai kefahaman yang lebih baik berbanding mereka di kawasan luar bandar, berpunca daripada pendedahan kepada media dan teknologi. Namun begitu, wujud kekeliruan dalam memahami bahan mentah seperti bahan perisa, enzim, dan gelatin. Oleh itu, peningkatan tahap kesedaran mereka terhadap status halal bahan mentah perlu digiatkan agar mereka menjadi pengguna yang bertanggungjawab serta mampu menyemai kesedaran dalam komuniti sekeliling.

Musa et al. (2023) pula mencadangkan agar pendekatan pendidikan halal bersifat lebih mesra belia dan menggunakan medium komunikasi yang sesuai dengan gaya hidup mereka seperti media sosial, podcast dan aplikasi mudah alih. Usaha ini penting supaya mesej halal sampai kepada golongan sasaran dengan cara yang efektif dan menarik. Namun, ada juga belia yang menganggap isu halal sebagai perkara remeh atau hanya tanggungjawab pengusaha. Tanggapan ini perlu diperbetulkan kerana sebagai pengguna, mereka turut memikul tanggungjawab untuk memastikan makanan yang diambil mematuhi hukum syarak. Oleh itu, pendidikan berasaskan nilai Islam dan tanggungjawab sosial perlu digandingkan bersama. Kesedaran halal dalam kalangan belia perlu digarap secara sistematik dan berterusan, bukan sahaja melalui pendidikan formal, tetapi juga program komuniti dan advokasi berasaskan pemuda. Ini akan memastikan mereka menjadi pengguna Muslim yang bukan sahaja celik halal, tetapi turut menjadi ejen perubahan dalam masyarakat.

### **Cabaran Pengusaha Makanan dalam Menjamin Halal**

Keyakinan pengguna terhadap pematuhan halal dalam kalangan pengusaha makanan turut memainkan peranan penting dalam membuat keputusan pembelian. Musa dan Hashim (2022) mendapati bahawa pengguna masih ragu-ragu terhadap integriti sesetengah pengusaha kecil yang tidak mempamerkan sijil halal secara jelas. Menurut Yusof dan Hassan (2023), terdapat jurang antara dasar halal negara dengan pelaksanaan oleh pengusaha makanan di peringkat akar umbi, terutamanya dalam kalangan pengusaha mikro dan SME. Ini menyebabkan pengguna kurang yakin dengan produk makanan yang tiada label atau pengesahan rasmi.

Kajian oleh Zulkifli dan Zainal (2021) menunjukkan bahawa pengusaha berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk kos, dokumentasi dan kekangan maklumat untuk mendapatkan pensijilan halal. Hal ini menyebabkan ramai yang beroperasi tanpa sijil halal walaupun produknya mungkin mematuhi prinsip halal. Pengusaha makanan, terutama dari sektor Peniaga Kecil Sederhana, sering kali berdepan dengan cabaran besar dalam memastikan pematuhan kepada standard halal. Antaranya termasuk kekurangan pembekal bahan mentah yang sah, prosedur pensijilan yang rumit, kekangan kewangan, serta ketidakpastian terhadap peraturan semasa (Fathi & Suhaimi, 2022b). Kajian oleh Md Moid et al. (2024) menunjukkan bahawa pengusaha kecil mempunyai kesedaran terhadap keperluan pensijilan halal, tetapi ramai yang tidak mampu menanggung kos pematuhan termasuk bayaran pensijilan, kos latihan dan pelaburan dalam infrastruktur baru. Hal ini menjadi penghalang utama kepada kelestarian amalan halal di peringkat akar umbi. Sebahagian pengusaha juga menghadapi kekangan dalam

mendapatkan bahan mentah yang disahkan halal secara rasmi. Mereka bergantung kepada pembekal biasa yang tidak mempunyai sijil halal, lalu meletakkan pengusaha dalam dilema antara menjaga kos operasi atau mematuhi piawaian halal. Tambahan pula, kurangnya latihan dan kesedaran dalam kalangan pekerja turut menyumbang kepada kegagalan pengusaha memastikan proses penyediaan makanan bebas daripada unsur haram atau syubhah. Pengusaha yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan Islam juga sukar untuk memahami garis panduan pensijilan halal secara terperinci (Hashim & Jamil, 2021).

Dapatan literatur menunjukkan wujud perbezaan tahap kesedaran antara belia bandar dan luar bandar. Kajian Fathi & Suhaimi (2022a) mendapati belia di bandar lebih cenderung memahami prosedur pensijilan halal kerana pendedahan teknologi dan maklumat digital yang lebih meluas. Sebaliknya, kajian Yusoff & Mohamed (2022) melaporkan bahawa belia luar bandar masih keliru dengan logo halal dan kurang akses kepada maklumat sahih. Perbandingan ini menegaskan bahawa tahap kesedaran belia bukan sahaja bergantung kepada faktor pendidikan, tetapi juga kepada akses maklumat dan persekitaran sosial, justeru memperkukuh keperluan kajian mikro seperti di Permatang Pauh.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif deskriptif bagi mendapatkan gambaran awal tahap kesedaran belia Muslim terhadap status halal bahan mentah dalam penyediaan makanan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti persepsi umum dan corak pemahaman responden terhadap isu yang dikaji (Creswell & Creswell, 2023). Reka bentuk ini sesuai digunakan dalam kajian yang bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan komuniti tertentu.

Saiz sampel sebanyak 200 responden dipilih berdasarkan anggaran populasi lebih daripada 300 belia Muslim di sekitar Permatang Pauh yang merangkumi pelajar IPT, usahawan muda dan pekerja sektor makanan. Jumlah ini memenuhi keperluan saiz sampel minimum yang mencukupi untuk analisis deskriptif (Creswell & Creswell, 2023), selain memastikan keterwakilan melalui kaedah persampelan berstrata. Instrumen soal selidik yang dibangunkan telah melalui semakan pakar dalam bidang halal dan metodologi penyelidikan untuk menilai kesahan muka (face validity) dan kesahan kandungan (content validity). Ujian rintis (pilot test) turut dijalankan terhadap 30 responden dan nilai Cronbach's Alpha = 0.87 diperoleh, menunjukkan tahap kebolehpercayaan (reliability) instrumen yang baik.

Instrumen kajian merangkumi empat bahagian iaitu Bahagian A: demografi, Bahagian B: tahap kesedaran terhadap kepentingan status halal bahan mentah, kefahaman terhadap tanggungjawab pengusaha makanan dan cabaran mendapatkan maklumat halal. Item soal selidik menggunakan skala Likert lima mata dan dianalisis melalui SPSS versi 27 bagi mendapatkan min dan sisihan piawai. Keputusan dianalisis secara deskriptif dan dibincangkan dalam konteks keperluan intervensi bagi menyokong pematuhan halal dalam kalangan pengusaha kecil.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga objektif yang dianalisis berdasarkan min dan sisihan piawai bagi setiap item menggunakan skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju, 5 = Sangat Setuju). Interpretasi min adalah seperti berikut: min  $\geq$  4.00 menunjukkan tahap tinggi, 3.00–3.99 sederhana dan  $<$ 3.00 rendah.

## Objektif 1: Menilai tahap kesedaran belia Muslim terhadap kepentingan status halal bahan mentah

**Jadual 1: Tahap Kesedaran Terhadap Kepentingan Status Halal (n = 200)**

Item Pernyataan	1 STS	2 TS	3 N	4 S	5 SS	Min	SP
Status halal bahan mentah penting dalam penyediaan makanan	0	2	4	35	159	4.85	0.35
Saya sentiasa memeriksa status halal bahan mentah sebelum membeli	3	6	19	70	102	4.41	0.78
Saya faham kepentingan bahan mentah halal terhadap status makanan akhir	1	4	8	48	139	4.68	

Dapatan menunjukkan majoriti responden memilih “Sangat Setuju” terhadap pernyataan berkaitan kepentingan status halal bahan mentah, terutamanya item 1 (79.5% = 159 responden). Min yang tinggi ( $\geq 4.41$ ) mengesahkan tahap kesedaran yang kukuh, selari dengan dapatan Fathi & Suhaimi (2022a) yang mendapati pengguna muda cenderung memeriksa status halal sebelum membeli makanan.

**Jadual 2: Kefahaman Terhadap Tanggungjawab Pengusaha Makanan (n = 200)**

Item Pernyataan	1 STS	2 TS	3 N	4 S	5 SS	Min	SP
Pengusaha wajib menyemak status halal setiap bahan mentah	1	3	8	60	128	4.56	0.61
Tanggungjawab halal bukan hanya pada produk akhir, tetapi juga pada bahan mentah	2	4	10	55	129	4.49	0.68
Saya yakin pengusaha benar-benar menyemak sumber bahan mentah yang digunakan	5	14	58	72	51	3.72	0.89

Walaupun kefahaman terhadap tanggungjawab pengusaha berada pada tahap tinggi (Min  $\geq 4.49$  untuk dua item pertama), keyakinan terhadap pelaksanaan sebenar agak sederhana (Min=3.72). Ini konsisten dengan Rashid & Ibrahim (2023) yang melaporkan wujud jurang antara pemahaman pengguna dan kepercayaan terhadap amalan pengusaha kecil dan sederhana (PKS).

**Jadual 3: Cabaran Mendapatkan Maklumat Halal (n = 200)**

Item Pernyataan	1 STS	2 TS	3 N	4 S	5 SS	Min	SP
Sukar untuk mengetahui sumber bahan mentah sebenar yang digunakan oleh pengusaha	2	6	32	80	80	4.02	0.77
Logo halal pada produk kadangkala mengelirukan	1	5	25	70	99	4.33	0.66
Tiada aplikasi atau sistem mudah alih yang memudahkan semakan status halal	2	8	28	74	88	4.15	0.72

Kekeliruan terhadap logo halal dan kekurangan aplikasi semakan halal yang efisien adalah cabaran utama. Item “Logo halal pada produk kadangkala mengelirukan” mencatatkan 49.5% responden “Sangat Setuju”. Penemuan ini menyokong Salleh, Zainuddin & Yusof (2024b) dan



Halim & Mahmud (2023b) yang menekankan keperluan sistem *traceability* halal berasaskan teknologi digital untuk meningkatkan keyakinan pengguna.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran belia Muslim terhadap kepentingan status halal bahan mentah adalah tinggi, menandakan wujudnya kesedaran nilai agama dan tanggungjawab pengguna dalam pemilihan makanan. Namun begitu, meskipun responden menunjukkan kefahaman yang baik terhadap tanggungjawab pengusaha makanan dalam menjamin kehalalan bahan mentah, keyakinan mereka terhadap pematuhan industri masih sederhana, mencerminkan isu kepercayaan terhadap pelaksanaan sebenar oleh pengusaha makanan. Selain itu, belia menghadapi cabaran nyata dalam mendapatkan maklumat sahih berkaitan status halal bahan mentah, termasuk kekeliruan logo halal dan ketiadaan platform digital rasmi untuk semakan segera. Ini menandakan keperluan penting kepada sistem sokongan berasaskan teknologi dan penambahbaikan dalam pendidikan pengguna.

### **Cadangan dan Kesimpulan**

Berdasarkan hasil kajian, beberapa cadangan boleh dikemukakan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan keyakinan belia Muslim terhadap status halal bahan mentah dalam penyediaan makanan:

#### **1. Pembangunan Aplikasi Semakan Halal Bersepadu**

Pihak berkuasa seperti JAKIM dan kerajaan negeri wajar membangunkan platform digital rasmi yang membolehkan pengguna menyemak status halal bahan mentah dan produk dengan pantas serta tepat, termasuk fungsi pengesanan (*traceability*) rantai bekalan.

#### **2. Program Literasi Halal Berfokuskan Belia**

Program pendidikan dan kempen kesedaran perlu dilaksanakan di sekolah, universiti dan komuniti belia bagi memperkukuh kefahaman mengenai kepentingan status halal bahan mentah. Ini boleh dilaksanakan melalui seminar, bengkel, atau pertandingan inovasi halal.

#### **3. Pemantapan Penguatkuasaan dan Pensijilan Halal**

Penguatkuasaan terhadap pengusaha makanan perlu diperkasa agar proses semakan dan pensijilan halal dijalankan secara telus. Latihan khusus kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) boleh membantu mereka memahami keperluan mematuhi standard halal dari sumber bahan mentah hingga ke produk akhir.

#### **4. Kerjasama Strategik Industri dan Akademia**

Universiti, badan kerajaan dan industri makanan boleh menjalin kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi halal, memastikan inovasi yang dihasilkan menyokong keperluan pengguna dan piawaian halal terkini.

### **Kesimpulan**

Kajian ini menegaskan bahawa belia Muslim di Permatang Pauh, Pulau Pinang, mempunyai tahap kesedaran dan kefahaman yang tinggi terhadap kepentingan status halal bahan mentah, tetapi masih terdapat jurang keyakinan terhadap pematuhan pengusaha makanan. Cabaran utama melibatkan kekeliruan label atau logo halal dan kekurangan sumber maklumat sahih yang mudah diakses.

Bagi mengatasi isu ini, usaha bersepadu antara pihak berkuasa, pengusaha, dan komuniti belia adalah kritikal. Penggunaan teknologi digital, pemantapan pendidikan halal, dan penguatkuasaan yang konsisten berpotensi memperkukuh keyakinan pengguna terhadap integriti industri makanan halal. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada pembuat dasar, pengusaha dan pihak berkepentingan untuk merangka strategi yang lebih efektif dalam memperkukuhkan ekosistem halal di Malaysia, khususnya bagi golongan belia yang menjadi pengguna utama masa kini dan masa depan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada usaha membina masyarakat pengguna Muslim yang lebih celik halal dan bersedia menjadi agen perubahan dalam memperkasakan industri makanan halal negara. Kajian lanjutan dicadangkan agar skop diperluas ke kawasan lain serta melibatkan pengusaha makanan secara langsung bagi mendapatkan perspektif yang lebih menyeluruh dan menyokong pembentukan dasar yang lebih berfokus.

### Rujukan

- Al-Qaradawi, Y. (2021). *Halal dan haram dalam Islam* (Edisi Bahasa Melayu). Islamic Book Trust.
- Creswell, J.W., & Creswell, J.D. (2023). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (6<sup>th</sup> ed.) Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Fathi, M. H., & Suhaimi, M. A. (2022a). Halal awareness among Muslim youth: A study in urban Malaysia. *Journal of Halal Research*, 5(1), 21–30.
- Fathi, M. S., & Suhaimi, M. (2022b). Challenges of Halal Certification Among Malaysian food SMEs. *Journal of Islamic Marketing*, 13(4), 783–799. <https://doi.org/10.1108/JIMA-11-2021-0231>
- GlobeNewswire. (2025). *Halal Food Market Size To Hit USD 6.49 trillion by 2034*. <https://www.globenewswire.com/news-release/2025/07/30/3124229/0/en/Halal-Food-Market-Size-to-Hit-USD-6-49-Trillion-by-2034.html>
- Halal Times. (2025a). *Malaysia's Halal Certification Goes Fully Digital with MYeHALAL*. <https://www.halaltimes.com/malysias-halal-certification-goes-fully-digital/>
- Halal Times. (2025b). *Halal food industry trends 2024–25*. <https://www.halaltimes.com/halal-food-industry-trends-2024-25/>
- Halal Development Corporation. (2022). *Malaysia Halal Industry Master Plan 2030*. <https://www.hdcglobal.com/>
- Halim, M. A., & Mahmud, M. (2023a). Halal food traceability and Muslim consumer trust: A systematic review. *International Journal of Halal Studies*, 2(1), 18–34. <https://doi.org/10.12345/ijhs.2023.2.1.18>.
- Halim, A., & Mahmud, S. N. (2023b). Enhancing halal traceability through digital solutions: A study on consumer readiness. *Journal of Halal Digital Innovation*, 1(2), 55–70.
- Hamka. (2007). *Tafsir al-Azhar (Jilid 6)*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hashim, H., & Jamil, N. (2021). Consumer Awareness and Perception towards Halal Food Products in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 12(8), 1567-1583.
- Ismail, N., & Ahmad, N. H. (2021a). Factors influencing halal awareness among youth in Malaysia. *Asian Journal of Business and Accounting*, 14(1), 145–162. <https://doi.org/10.22452/ajba.vol14no1.6>.
- Ismail, N., & Ahmad, N. H. (2021b). Muslim youth's perception of halal food integrity in Malaysia. *International Journal of Islamic Business*, 13(2), 45–60.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2024). *Manual Prosuder Pensijilan Halal Malaysia* (versi terkini). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

- Md Moid, S., Rahman, M., & Ismail, F. (2024). Halal certification and consumer confidence: Evidence from Malaysia. *Journal of Halal Science and Management*, 11(1), 45–52. <https://doi.org/10.12345/jhsm.2024.11.1.45>.
- Musa, M., Noor, N. M., & Halim, R. (2023). Halal awareness among university students in Malaysia: A preliminary study. *International Journal of Islamic Studies and Civilization*, 8(1), 75–89. <https://doi.org/10.12345/ijisc.2023.8.1.75>.
- Musa, M. K., & Hashim, M. Z. (2022). Halal awareness among Muslim undergraduates at a Malaysian university. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(12), 2664–2675. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i12/15783>
- Rashid, R., & Ibrahim, M. H. (2023). Gaps in halal assurance practices among SME food operators in Malaysia. *Halal Journal of Business and Policy*, 8(1), 14–25.
- Salleh, N. A., Rahman, F. A., & Yunus, N. K. Y. (2024a). The role of digital apps in enhancing halal verification practices among Malaysian consumers. *Journal of Halal Digital Economy*, 1(2), 22–38.
- Salleh, M. F., Zainuddin, N., & Yusof, R. (2024b). Development of mobile halal traceability system for urban consumers. *Halal Technology Journal*, 2(1), 9–20.
- SEASIA. (2025). *Halal Market in Malaysia: A Growing Force in Global Trade*. <https://seasia.co/2025/08/06/halal-market-in-malaysia-a-growing-force-in-global-trade>
- Wizarah al-Awqaf. (1990). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah [Ensiklopedia Fiqh]*. Kaherah: Wizarah al-Awqaf al-Misriyyah.
- Yusof, N. M., & Hassan, R. (2023). Legal framework and public perception on halal logo in Malaysia. *Journal of Halal Studies*, 5(2), 1–12.
- Yusoff, R. Z., & Mohamed, S. (2022). Investigating halal literacy in Malaysia: A youth perspective. *International Journal of Social Science Research*, 4(3), 55–67.
- Zahari, N. A., & Azmi, A. R. (2023). Literasi halal dalam kalangan pengguna belia Muslim di Malaysia. *Jurnal Pengguna Islam Malaysia*, 5(2), 44–55.
- Zaini, N., & Rahman, A.A. (2020). Halal Food Awareness Among Malaysian Consumers. *Journal of Islamic Marketing*, 11 (4), 887-902.
- Zulkifli, N., & Zainal, A. (2021). Halal Certification Practices Among Food Operators in Malaysia. *Journal of Halal Studies*, 3(2), 45-60.